

### KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera yang berdaftar di Melaka serta berdaftar dengan MPJ** yang mempunyai sijil berikut iaitu **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred, Kategori, Pengkhususan atau kod Bidang** yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

| NO SEBUTHARGA | BUTIR-BUTIR TAWARAN SEBUTHARGA DAN HARGA DOKUMEN  | TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL   | TARAF DAN SYARAT PENDAFTARAN   | TARIKH SEBUTHARGA DITUTUP DAN TEMPAT PENYERAHAN SEBUTHARGA  |
|---------------|---|--|--|---|
| S03/2018      | <p>Tajuk Projek :</p> <p>Menaiktaraf Ruang Niaga (Medan Selera), Gelanggang Serbaguna Dan Dataran Generasi Pewaris Di pejabat Gerakan Belia 4B Malaysia Kawasan Jasin, Melaka.</p> <p>Harga Dokumen : RM 20.00</p> <p>Bayaran untuk dokumen sebutharga adalah Tunai, Draf Bank atau Kiriman Wang atas nama YDP, MPJ</p> | <p>Tarikh :</p> <p>26 Januari 2018</p> <p>Tempat :</p> <p>Kaunter Majlis Perbandaran Jasin, 77000 Jasin, Melaka.</p> <p>Lawatan Tapak :</p> <p>Wajib</p> | <p>Taraf : Bumiputera</p> <p>Berdaftar dengan CIDB,</p> <p>Gred : G1</p> <p>Kategori : B</p> <p>Pengkhususan : B04 (Kerja-Kerja Am Bangunan)</p> | <p>Tarikh tutup:</p> <p>02 Februari 2018</p> <p>Masa :</p> <p>12.00 tengahari</p> <p>Tempat :</p> <p>Peti Sebutharga, Majlis Perbandaran Jasin, 77000 Jasin, Melaka</p> |

#### 1. TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN INI DIKELUARKAN

Dokumen Sebutharga ini boleh diperolehi di Kaunter Majlis Perbandaran Jasin, 77000 Jasin, Melaka. Dokumen ini hanya boleh diperolehi mulai **26 Januari 2018** pada waktu pejabat (8.00 pagi hingga 5.00 petang). Syarikat-syarikat yang berminat dikehendaki mengemukakan **Sijil-sijil asal dan salinan fotokopi Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)** ketika membeli dokumen Sebutharga.

#### 2. TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT

Kontraktor yang berminat dikehendaki menghadiri sesi **taklimat dan lawatan tapak** pada jam **9.30 pagi** pada **26 Januari 2017** di **Perkarangan Kaunter, Vista Alamanda, Majlis Perbandaran Jasin, 77000, Jasin, Melaka**. Lawatan tapak **adalah WAJIBKAN dan hanya Pemilik / Penama di Dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) atau Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak. Wakil syarikat adalah tidak dibenarkan.**

#### 3. TARIKH DAN TEMPAT PENYERAHAN

Sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah ditulis No. Sebutharga dan tajuk projek di sudut atas sebelah kiri sampul surat serta dimeterai dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Majlis Perbandaran Jasin** tidak lewat jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.

4. MPJ tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.